

**BERITA ONLINE
KOSMO**
TARIKH: 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)



Datuk Seri Dr. Adham Baba

Malaysia mahu muktamad 40 MoU pada Expo Dubai 2020

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR | 22 September 2021, 8:37 pm

PUTRAJAYA – Malaysia menyasarkan untuk memuktamadkan kira-kira 40 Memorandum Persefahaman (MoU) sepanjang penganjuran Expo Dubai 2020 bermula 1 Oktober ini hingga 31 Mac 2022.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, pihaknya juga menjangkakan untuk meraih potensi perniagaan dan pelaburan sekitar RM8 hingga RM10 bilion daripada ekspo berkenaan.

Beliau berkata, kira-kira 300 buah syarikat tempatan dari pelbagai industri akan mengambil bahagian dalam ekspo sepanjang 26 minggu itu.

“Antara MoU yang berpotensi untuk diketengahkan termasuk dalam bidang inovasi dan teknologi, halal, pendidikan, pelancongan dan kewangan,” katanya menerusi sidang akhbar secara maya hari ini.

Katanya, Expo Dubai 2020 akan menjadi titik-tolak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia selepas hampir dua tahun berdepan pandemik Covid-19.

Adham berkata, beliau difahamkan, Expo Dubai 2020 menyasarkan kunjungan daripada 25 juta pelawat. – K! ONLINE